

28/08/1998

Ubat tradisional guna teknik moden

Hasnira Hassan

PERUBATAN tradisional Melayu yang banyak menggunakan bahan semula jadi daripada pelbagai jenis pokok herba dan tumbuhan tempatan kini semakin mendapat perhatian pengguna berbilang kaum di negara ini.

Produk herba tempatan yang bebas daripada penggunaan bahan kimia tidak lagi tertumpu kepada Tongkat Ali yang sering dikaitkan dengan keupayaan memulihkan tenaga seperti yang diperkatakan mengenai Viagra sejak kebelakangan ini.

Ramuan herba diadun untuk kegunaan penjagaan kesihatan tradisi yang lebih meluas seperti untuk merawat pelbagai jenis penyakit, rawatan kecantikan kulit dan rawatan pemulihan penagih dadah.

Ini adalah satu perkembangan yang baik khususnya ketika kerajaan amat menggalakkan pengeluaran pelbagai jenis produk yang berasaskan bahan tempatan untuk mengatasi masalah kegawatan ekonomi di rantau ini.

Berikutan itu, sebuah syarikat yang dikenali Rahmatul Alamin mempelopori usaha menghasilkan pelbagai produk perubatan tradisional Melayu dengan menggunakan pendekatan moden menerusi teknik pembungkusan terkini dan profesional.

Usaha itu ternyata memberi nafas baru kepada produk perubatan tradisional Melayu yang sebelum ini kurang mendapat perhatian pengguna berbilang kaum negara ini.

Pengarah Urusannya, Ahmad Tajuddin Arshad, berkata permintaan pengguna terhadap produk perubatan tradisional meningkat sejak kebelakangan kerana pengguna semakin mementingkan bahan semula jadi tanpa penggunaan bahan kimia.

"Selain daripada keberkesanannya dalam penjagaan kesihatan, teknik pembungkusan moden serta penggunaan label profesional turut memberi nafas baru dan daya saing yang lebih baik terhadap pasaran produk terbabit," katanya.

Selain mengeluarkan produk perubatan tradisional, Rahmatul Alamin yang berpusat di 36 Jalan Bunga Raya, Taman Bunga Raya, Kuala Kangsar, Perak menyediakan rawatan untuk memulihkan penagih dadah dan pelbagai jenis penyakit secara pakej.

Menurutnya, ketika ini kebanyakan permintaan diterima untuk pakej pemulihan penagih dadah dan resdung dari seluruh negara.

Dalam pakej itu, ubat tradisional digunakan seperti ubat penawar racun dan bisa, membersihkan sisa racun dan bisa, memulihkan urat saraf dan fikiran, melancarkan semula perjalanan darah, ubat demam kuning serta vitamin dan kalsium.

Ahmad Tajuddin berkata, pengeluaran produk tempatan itu mula dijalankan kira-kira 20 tahun lalu secara kecil-kecilan, malah peningkatan permintaan memaksa beliau mendirikan sebuah kilang untuk menghasilkan pelbagai produk secara komersil dan moden.

Antara produknya termasuk balsam serai wangi, balsam cengkih, air badar, bedak, sputih, minyak jabat, air panamas dan air mutiara.

Menurutnya, produk perubatan terbabit digunakan bagi merawat buasir, penyakit kulit, melebatkan rambut, mengurangkan berat badan, wanita bersalin, bengkak, sakit puan dan menguatkan tenaga batin.

"Ketika ini kami tidak menghadapi masalah mendapatkan bekalan bahan herba kerana kami mungkin mendapatkannya dari ladang herba milik Kerajaan Perak di Selinsing dan Sungai Kelah," katanya.

Katanya, langkah kerajaan Perak mengusahakan projek ladang tanaman

pelbagai pokok herba secara komersil di Selinsing dan Sungai Kelah adalah baik berikutan potensi industri perubatan yang menggalakkan.

Projek itu membabitkan kawasan samaian seluas kira-kira 500 hektar dan tanaman pokok herba itu dijadikan satu industri yang mampu memenuhi permintaan pengusaha perubatan tradisional tempatan.

Rahmatul Alamin yang beroperasi sejak 1985 mempunyai seramai 10 kakitangan kini memasarkan barangannya bukan saja di hampir di semua negeri Semenanjung, malah berjaya mengeksportnya ke Singapura, Libya, Mesir dan Arab Saudi.

Bagaimapun, menurut Ahmad Tajuddin, kebanyakan produknya dijual secara jualan langsung melalui orang perseorangan dan sekumpulan kecil stokis di Pantai Timur.

Katanya, di Pantai Barat, syarikat mempunyai stokis di Melaka iaitu Masjid Tanah, Alai dan bandar raya Melaka serta di Temerloh, Pahang.

Di Selangor, Rahmatul Alamin mula menguasai pasaran di Sungai Besar dan Tanjung Karang. Bagaimanapun, produk itu tidak dapat diperolehi secara terbuka di kompleks beli-belah.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Nagah Talib ketika melawat ladang herba Selinsing dan Sungai Kelah baru-baru dilaporkan berkata kerajaan negeri bercadang menjadikan negeri itu sebagai pusat pengeluar herba negara.

Menurutnya, penggunaan herba bukanlan perkara baru tetapi telah digunakan sejak zaman dulu dan kini kerajaan hanya meluluskan lagi penanamannya sejajar dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tanaman itu tidak pupus.

Projek penanaman herba itu dijalankan secara usahasama oleh Global Herba dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak.

Mereka yang berminat menjalani rawatan boleh menghubungi 05-7770668 atau 05 7760028 bagi mendapatkan keterangan lanjut.

(END)